

Cabaran Pembelajaran dan Sokongan yang Diperlukan oleh Murid Tahfiz di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Terpilih di Malaysia (Learning Challenges and Support Needed by Tahfiz Students at Selected Government-Funded Religious Schools in Malaysia)

Fathiyah Mohd Fakhruddin
Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM
Email: fathi@upm.edu.my

Ahmad Fauzi Mohd Ayub
Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM
Email: afmy@upm.edu.my

Norlizah Che Hassan
Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM
Email: norlizah@upm.edu.my

Wan Marzuki Wan Jaafar
Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM
Email: wanmarzuki@upm.edu.my

Lukman Abd Mutalib
Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM
Email: lukman912@gmail.com

Abstrak

Pembelajaran tahfiz ialah satu bentuk pembelajaran yang agak sukar dan mencabar terutama dalam konteks pendidikan tahfiz menengah yang ditawarkan bersama-sama dengan kurikulum arus perdana iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Kajian ini dijalankan bagi meneroka bentuk cabaran dan sokongan yang diperlukan oleh murid tahfiz yang berada di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan terpilih di Malaysia. Pendekatan kualitatif digunakan bagi menjawab persoalan kajian yang ditentukan iaitu berkisar kepada penerokaan secara mendalam terhadap cabaran dan sokongan yang diperlukan oleh murid tahfiz. Teknik persampelan bertujuan digunakan bagi memilih peserta kajian yang terdiri daripada murid yang telah mengikuti pembelajaran tahfiz sekurang-kurangnya tiga tahun. Temu bual mendalam separa berstruktur secara individu dijalankan terhadap peserta kajian yang melibatkan 11 orang murid tahfiz. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa cabaran yang dihadapi murid iaitu cabaran persekitaran rumah, cabaran kesukaran menghafaz, cabaran gadget dan cabaran rakan sebaya. Hasil dapatan juga menunjukkan terdapat beberapa sokongan yang diperlukan murid iaitu sokongan guru, ibu bapa, rakan dan sekolah. Kajian ini memberi implikasi penting bahawa sokongan adalah aspek yang signifikan kepada murid tahfiz agar mereka mampu menghadapi cabaran pembelajaran.

Kata kunci: Pembelajaran tahfiz, Murid tahfiz, Cabaran pembelajaran, Sokongan, Sekolah agama bantuan kerajaan

Abstract

Tahfiz learning is a form of difficult and challenging learning especially in the context of secondary tahfiz education that is offered together with the main stream curriculum, Standard Based Curriculum for Secondary Schools (KSSM). This study was conducted to explore forms of challenges and support needed by tahfiz students at selected government-funded religious schools in Malaysia. A qualitative approach is used to answer the research questions that are based on in-depth exploration on challenges and support needed by tahfiz students. Purposive sampling technique was used to select participants who have attended tahfiz learning at least three years. Individual semi structured in-depth interviews were conducted with participants consisted 11 students. Findings also showed that there are several challenges faced by the students; home environment, difficulty in memorization, gadgets and peer challenges. Further findings showed that support needed by the students are teachers, parents, peers and school's support. This study provides important implications that support is a significant aspect of tahfiz students so that they can handle learning challenges.

Article Progress
Received: 31 October 2019
Revised: 15 November 2019
Accepted: 29 November 2019

Keyword: Tahfiz learning, Tahfiz students, Learning challenges, Support, Government-funded religious schools

1. PENDAHULUAN

Pendidikan tahfiz di Malaysia telah melalui fasa perkembangan yang pesat. Pada peringkat permulaan, pendidikan tahfiz di negara ini ditawarkan secara persendirian melalui penubuhan sekolah pondok atau sekolah agama rakyat. Pendidikan tahfiz secara formal ditawarkan oleh pihak kerajaan menerusi penubuhan Darul Quran di Kuala Kubu Bharu yang pada mulanya dikenali sebagai Maahad Tahfiz Al-Quran wa Al-Qiraat pada tahun 1967. Setelah penubuhan Darul Quran, diikuti dengan penubuhan maahad tahfiz di setiap negeri secara berperingkat iaitu program pendidikan tahfiz peringkat diploma (Azmil, Ab Halim & Misnan, 2013).

Selanjutnya, pendidikan tahfiz tertumpu kepada peringkat sekolah menengah. Secara ringkasnya ia bermula dengan penubuhan Sekolah Imtiaz bawah kendalian Yayasan Islam Terengganu dan kemudiannya diambil alih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Di Selangor, didirikan Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Bandar di Jugra pada tahun 2008 yang disusuli dengan penubuhan dua lagi Maahad Integrasi Tahfiz Selangor di Klang dan Bagan Lalang. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula didirikan Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA). Pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut mengambil inisiatif memulakan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Ulul Albab yang melaksanakan Program Ulul Albab. Manakala di pihak Kementerian Pendidikan Malaysia pula, beberapa buah sekolah sedia ada dipilih menjalankan kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) iaitu melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) (Fathiyah, Ahmad Fauzi, Norlizah, Lukman & Wan Marzuki, 2018).

Perkembangan pesat pendidikan tahfiz khasnya dalam konteks pendidikan menengah perlu diimbangi dengan pencapaian hafazan murid yang selari dengan matlamat yang telah ditentukan. Oleh kerana pendidikan tahfiz yang dilaksanakan di sekolah tahfiz di atas ditawarkan bersama dengan kurikulum pendidikan kebangsaan iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), maka murid tahfiz berhadapan dengan cabaran yang lebih besar dan hebat berbanding murid di sekolah menengah kebangsaan (Fathiyah et al., 2018). Cabaran bagi murid tahfiz sedikit berbeza kerana komitmen untuk menghafaz ayat al-Quran menuntut pengorbanan masa, tenaga dan fokus yang lebih berbanding murid yang hanya mengikuti aliran pendidikan perdana.

Oleh kerana proses menghafaz ayat al-Quran ialah satu proses yang mencabar, komitmen daripada murid dan sistem sokongan yang sesuai diperlukan bagi memudahkan proses pembelajaran. Antara sistem sokongan yang penting dan diperlukan murid ialah ibubapa, guru dan pihak sekolah. Dalam konteks sokongan ibubapa kepada murid, ini jelas dilihat dengan tiga aspek pendidikan anak-anak menurut perspektif Al-Quran dalam surah Luqman iaitu pendidikan akidah, ibadah dan akhlak. Pendidikan akidah tertumpu kepada peringatan agar mengenali diri dan Pencipta. Pendidikan ibadah pula berbentuk peringatan agar anak melaksanakan ketundukan kepada Allah dalam seluruh aktiviti hidup. Seterusnya pendidikan akhlak berkisar kepada peringatan agar anak berbakti kepada ibu bapa, melakukan *muraqabah* serta berakhlak mulia (Abdul Rashid, 2008).

Anuar & Norhaidawati (2016) menjelaskan bahawa sokongan ibubapa dalam bentuk kasih sayang dan komunikasi dua hala dapat membantu anak menghadapi masalah pembelajaran serta menangani emosi anak. Abd Razak & Norani (2011) juga bersetuju bahawa sokongan ibu bapa sangat dihargai oleh anak dan ia berfungsi sebagai tambahan kepada sokongan guru yang telah diperolehi anak di sekolah. Malahan terdapat hubungan signifikan yang tinggi antara sokongan ibu bapa dengan pencapaian akademik anak berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Zulkifli,

Jamilah, Aminah dan Ismi Arif (2011). Dalam kajian tersebut, hubungan antara perbincangan dengan pencapaian akademik anak ialah pada nilai $r = 0.772$; hubungan penjagaan ibubapa dengan pencapaian akademik anak pada nilai $r = 0.739$ dan manakala hubungan komunikasi ibubapa dengan pencapaian akademik juga mencatat nilai r yang tinggi iaitu $r = 0.856$. Hubungan penglibatan ibubapa secara keseluruhan dengan pencapaian akademik menunjukkan hubungan yang tinggi iaitu nilai $r = 0.811$. Hasil kajian tersebut mengukur bentuk sokongan atau penglibatan ibu bapa menerusi dimensi perbincangan, penjagaan dan komunikasi akademik ibu bapa dengan anak.

Seterusnya sokongan guru dalam pembelajaran merujuk kepada kepakaran guru itu sendiri dalam disiplin ilmu, kepekaan guru dengan pencapaian dan kemampuan murid serta kemahiran guru dalam pengajaran dan keikhlasan mereka mendidik (Abdul Hafiz & Nur Safazilah, 2016). Apabila guru memiliki kepakaran, kepekaan terhadap muridnya serta ikhlas dalam pengajaran maka dia berupaya memberi sokongan yang diperlukan oleh murid. Kehebatan sesuatu kaedah dan teknik menghafaz tidak bermanfaat tanpa wujudnya guru yang mengaplikasikannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan sasaran kelompok murid (Siti Suriyani, 2018).

Manakala sokongan pihak sekolah dalam konteks pembelajaran tahfiz ialah terdapat kecenderungan sekolah tahfiz yang menjalankan program persediaan untuk murid yang baharu memasuki aliran tahfiz. Program tersebut memberi fokus kepada pementapan ilmu tajwid, bacaan Al-Quran dan kaedah hafazan (Fathiyah, 2017). Program persediaan untuk murid ini sangat membantu murid mengenalpasti kaedah hafazan serta mendapatkan pendedahan tentang reality cabaran pembelajaran tahfiz.

Dalam kajian yang telah dijalankan oleh Zulkarnin, Syazwani, Wan Ahmad Zakaria, Ahmad Bazli & Abdul Rahman Ibrahim (2018) menjelaskan bahawa selain daripada kekurangan kaedah hafazan, cabaran yang turut dihadapi oleh murid tahfiz ialah kekurangan sokongan ibubapa dan guru. Walaupun kajian tersebut dalam konteks cabaran yang dihadapi oleh murid sekolah rendah yang mengikuti Summer Camp Permata Insan, namun masih dalam konteks yang sama iaitu keperluan untuk menghafaz ayat al-Quran.

Cabaran lain yang dihadapi oleh murid tahfiz sebagaimana yang dikongsikan oleh Nik Md Saiful Azizi, Fathiyah Solehah & Rabi'atul Athirah (2018) ialah cabaran kesukaran menghafaz, kurang motivasi, cabaran kekangan masa serta cabaran emosi. Dalam kajian yang sama, berdasarkan dapatan yang diperolehi pengkaji mencadangkan agar kepentingan sokongan perlu diberikan oleh ibubapa, guru dan pihak sekolah bagi membantu pembelajaran tahfiz murid serta menangani pelbagai cabaran yang perlu dilalui.

Berdasarkan huraian di atas, jelas menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi murid perlu ditangani dengan sistem sokongan yang boleh didapati daripada ibubapa, guru dan pihak sekolah itu sendiri. Tanpa sistem sokongan berkenaan, dibimbangi cabaran yang dihadapi murid menyebabkan mereka tidak mampu memperoleh pencapaian cemerlang atau kekal bertahan dalam pembelajaran tahfiz tersebut.

2. PERNYATAAN MASALAH

Antara cabaran yang utama yang dihadapi oleh murid tahfiz ialah bagaimana memastikan mereka mencapai matlamat pencapaian yang telah ditetapkan. Kajian oleh Misnan dan Ahmad Sadadi (2013) mendapati 60% pelajar tidak mampu menamatkan hafazan sebagaimana yang ditetapkan iaitu dalam tempoh enam semester. Selain daripada itu, dapatan kajian Azmil, Misnan, Ab Halim dan Mohd Aderi (2014) menunjukkan pencapaian hafazan pelajar di Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN) berada pada tahap yang kurang memuaskan pada aspek

kelancaran hafazan. Sementara itu, dalam konteks pendidikan tahfiz di peringkat menengah, dapatan kajian oleh Mardhiah, Zetty Nurzuliana dan Aslam Farah (2018) menunjukkan hampir separuh pelajar MRSM Ulul Albab tidak dapat menamatkan hafazan sehingga tamat tingkatan 5. Realiti tersebut menunjukkan kepentingan dan keperluan sokongan kepada murid yang mengikuti aliran tahfiz.

Sokongan ibubapa antara sokongan yang penting bagi membantu pencapaian murid dalam pembelajaran mereka (Abdul Razak & Norani, 2011). Selain daripada sokongan ibubapa, guru juga berperanan menyumbang kepada pembelajaran murid. Tanpa peranan guru, murid akan berhadapan dengan kesukaran dan masalah dalam proses pembelajaran mereka (Abd Hafiz & Nur Safazilah, 2016).

Berdasarkan huraian di atas, jelas bahawa aspek cabaran pembelajaran tahfiz serta sokongan kepada murid tahfiz adalah satu isu yang penting. Oleh itu, kajian tentang kedua-dua aspek tersebut perlu dilaksanakan bagi membantu meningkatkan keberkesanan pembelajaran murid tahfiz. Tambahan pula kajian lepas berkaitan kedua-dua aspek berkenaan iaitu cabaran dan sokongan kepada murid tahfiz masih kurang diteroka oleh pengkaji sedia ada.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat dua objektif kajian yang dijalankan ini iaitu:

1. Meneroka bentuk cabaran yang dihadapi oleh murid tahfiz di sekolah agama bantuan kerajaan terpilih di Malaysia
2. Meneroka bentuk sokongan yang diperlukan oleh murid tahfiz di sekolah agama bantuan kerajaan terpilih di Malaysia

4. METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi menjawab persoalan kajian yang berkisar kepada penerangan yang jelas dan terperinci tentang cabaran yang dihadapi dalam pembelajaran tahfiz serta aspek sokongan yang diperlukan murid. Pendekatan kualitatif dipilih kerana kajian ini memberi fokus kepada penerokaan terhadap pengalaman sebenar peserta kajian tentang cabaran yang dihadapi serta sokongan yang diperlukan (Creswell, 2003). Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan iaitu peserta kajian dipilih dalam kalangan murid tahfiz yang telah mengikuti pembelajaran tahfiz sekurang-kurangnya tiga tahun dan bersedia berkongsi pengalaman sebenar mereka (Patton, 1987). Seramai 11 orang murid tahfiz di tiga buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan terpilih dalam kajian ini setelah data mencapai tahap tepu. Seterusnya kaedah pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual mendalam yang dijalankan secara individu. Temu bual mendalam dipilih kerana ia dapat meneroka pengalaman sebenar peserta kajian menghadapi cabaran dalam pembelajaran tahfiz serta berkongsi secara terperinci sokongan yang diperlukan oleh murid tahfiz (Dudley, 2005). Rakaman temu bual ditranskripsikan dan data temu bual dianalisis secara tematik berdasarkan persoalan kajian yang telah ditentukan (Othman Lebar, 2009).

5. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini meliputi dua perkara penting iaitu berkaitan dengan cabaran pembelajaran tahfiz yang dihadapi murid dan sokongan yang diperlukan murid dalam pembelajaran mereka.

5.1 Cabaran Pembelajaran Tahfiz

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, terdapat beberapa cabaran pembelajaran tahfiz yang dihadapi oleh murid di tiga buah sekolah agama bantuan kerajaan terpilih. Cabaran pembelajaran tersebut meliputi cabaran persekitaran rumah, cabaran kesukaran menghafaz, cabaran gajet dan cabaran rakan sebaya. Seramai enam daripada 11 orang peserta kajian menyatakan bahawa antara cabaran besar dalam pembelajaran tahfiz ialah cabaran persekitaran rumah. Persekitaran di rumah yang berbeza dengan persekitaran di sekolah menyebabkan murid menghadapi kesukaran untuk meneruskan proses menghafaz ketika berada di rumah. Peserta A menyatakan bahawa, “*Dugaannya contoh kalau kat rumah tu, contoh kalau keluarga kita sendiri bukan ada yang agama kan...tak ada suasana*”. Ini disokong oleh Peserta C yang menjelaskan bahawa:

Kalau suasana sekolah dengan rumah memang berbeza. Kalau kat rumah susah nak tahan nafsu, sebab kat rumah kita tak ada, kadang-kadang ibubapa pun kadang-kadang kerja. Kita kena kuatkan diri kita..

Seterusnya, Peserta D turut menceritakan bahawa, “*Kalau di rumah tu biasanya kalau untuk pelajar tahfiz ni di rumah la paling cabaran dia.*” Peserta G turut memperkatakan perkara yang sama iaitu, “*Kat rumah lagi banyak cabaran la. Lagi susah. Memang kena betul-betul istiqamah. Cabaran kat rumah tu lain la daripada sekolah. Sebab tak ada suasana kat rumah.*” Peserta H secara ringkas juga menjelaskan bahawa, “*Susah la cabaran dekat rumah..*”

Akhir sekali, Peserta I berterus terang bahawa beliau merasakan bahawa suasana di rumah yang berbeza dengan sekolah menyebabkan beliau lebih suka bersantai di rumah. Beliau menjelaskan, “*Kalau kat rumah ni sebenarnya saya agak malas sedikit, nak rehat-rehat.*”

Cabaran kedua dalam pembelajaran tahfiz sebagaimana yang dikongsikan oleh peserta kajian ialah cabaran kesukaran menghafaz. Aktiviti menghafaz ayat al-Quran bukan mudah, maka salah satu cabaran dalam pembelajaran tahfiz ialah berkaitan dengan proses hafazan. Seramai lima orang daripada 11 peserta kajian mengemukakan tentang cabaran kesukaran menghafaz sebagai salah satu cabaran pembelajaran tahfiz. Peserta B berkongsi apa yang beliau alami, “*Bagi saya cabaran yang besar la sebab ulang lupa, ulang lupa rasa nak ulang juzuk lain rasa cabaran besar.*” Peserta B ini dengan jelas menyatakan bahawa cabaran menghafaz ialah apabila sukarnya untuk mengingati kerana akan selalu terlupa apa yang telah dihafaz. Seterusnya Peserta C pula menyatakan bahawa, “*Kadang-kadang tu nak hafal memang susah. Kadang-kadang sampai menangis-nangis untuk hafal. Bila satu hari pun tak dapat jugak.*”

Peserta E turut menyatakan perkara yang sama iaitu, “*cabaran utama dalam menghafaz adalah mengingat.*” Manakala Peserta F menjelaskan bahawa cabaran kesukaran menghafaz ini kadangkala boleh menyebabkan dia kurang bersemangat dalam pembelajaran. Beliau meluahkan, “*kesukaran menghafaz memang memutuskan semangat saya.*” Akhir sekali, Peserta H berkongsi pengalaman yang sama iaitu kesukaran menghafaz ayat boleh mengundang rasa malas. Beliau menjelaskan:

Satu masa tu macam dah banyak sangat hafal pastu makin lama makin susah kan. Rasa macam adui..malasnya nak hafal. Kira tak ada le putus asa tapi rasa macam malas..

Cabaran pembelajaran tahfiz yang turut diperkatakan oleh peserta kajian daripada kalangan murid tahfiz ialah cabaran gajet. Ini bertepatan dengan perkembangan zaman kini yang dilingkungi dengan kepesatan kemajuan gajet terkini. Seramai tiga orang peserta kajian yang meluahkan cabaran gajet yang boleh melalaikan mereka dalam pembelajaran tahfiz. Peserta D menjelaskan dengan katanya, “*cabaran tinggi sebab zaman sekarang tv, laptop semua.*” Peserta F

secara khusus menekankan tentang cabaran internet, beliau menjelaskan, “*Selain itu situasi sekarang pelbagai kemudahan internet, kadang-kadang cabaran bagi saya.*” Situasi yang sama turut dialami oleh Peserta H yang dengan ringkas menyatakan, “*Susah la memang cabaran dekat rumah, macam-macam la tv la, laptop lagi.*”

Cabaran terakhir dalam pembelajaran tahfiz yang dikongsikan oleh peserta kajian berdasarkan pengalaman sebenar mereka ialah cabaran rakan sebaya. Rakan sebaya yang tidak menyokong pembelajaran merujuk kepada sikap tidak memahami realiti kesukaran menghafaz ayat al-Quran adalah cabaran yang tidak kurang hebat bagi murid tahfiz. Walaupun hanya tiga daripada 11 orang peserta kajian yang memperkatakan tentang cabaran rakan sebaya ini tetapi ia tidak wajar dipinggirkan. Peserta A ketika menceritakan tentang cabaran dan dugaan pembelajaran tahfiz menyatakan, “*Dugaan lagi mungkin daripada rakan sendiri la, rakan di luar.*” Ini bermaksud rakan yang bukan dalam aliran tahfiz boleh menjadi cabaran kepada murid tahfiz dalam pembelajaran mereka. Seterusnya, Peserta H menceritakan perkara yang sama iaitu bagaimana rakan sekolah lama boleh menjadi cabaran kepada pembelajaran beliau. Beliau meluahkan,

Macam kalau kat luar kan..mungkin ada je kawan-kawan sekolah lama yang kutuk-kutuk ..apa tahfiz low class..

Ini turut diakui oleh Peserta I yang meluahkan menerusi temu bual iaitu, “*Satu lagi rakan-rakan kadang-kadang mengata-ngata tu memang ada. Terasa hati pun ada jugak.*” Ini bermakna cabaran rakan sebaya walaupun tidak banyak tetapi tetap memberi kesan kepada pembelajaran murid tahfiz.

Huraian di atas menunjukkan bahawa cabaran pembelajaran tahfiz boleh melemahkan semangat murid untuk konsisten dengan aktiviti menghafaz dan ada kala boleh menggugat pencapaian mereka. Cabaran tersebut meliputi cabaran persekitaran rumah yang berbeza berbanding di sekolah, cabaran kesukaran menghafaz, gajet dan juga cabaran rakan sebaya yang mempunyai sikap tidak memahami corak pembelajaran peserta kajian.

5.2 Sokongan yang diperlukan oleh Murid Tahfiz

Berdasarkan kepada dapatan kajian, sokongan yang diperlukan oleh murid tahfiz dalam pembelajaran mereka meliputi sokongan guru, ibubapa, rakan dan pihak sekolah itu sendiri. Hampir kesemua peserta kajian iaitu seramai 10 daripada 11 peserta yang ditemu bual mengakui bahawa sokongan paling utama yang diperlukan ialah sokongan guru. Sokongan guru ini meliputi bimbingan, nasihat dan kata-kata motivasi untuk murid. Peserta A menjelaskan dengan panjang lebar,

Kalau dari segi sokongan ustaz-ustaz cikgu semua dia macam siapa-siapa yang dari segi hafazan dia lambat sikit kan, dia akan tapis pelajar-pelajar yang lambat dengan pelajar yang cepat ni, pelajar ni akan dihantar untuk mengikuti kelas-kelas lain macam kelas tambahan, kelas hafazan

Ustaz datang panggil tanya masalah apa, pastu ustaz bagi bimbingan macam tu la.

Peserta B berkongsi bagaimana guru tahfiz beliau bersedia dihubungi menerusi telefon bagi mendengar ayat hafazan murid (*tasmik*) apabila berada bercuti di rumah. Beliau menjelaskan, “*Sebab kalau balik bermalam pun, ustazah pesan suruh call ustazah. Pastu call la ustazah, tasmik ikut telefon. Ustazah suruh call.*”

Peserta C dan D juga berkongsi perkara yang sama apabila guru tahfiz memberi semangat dan dorongan dalam proses pembelajaran mereka. Peserta C meluahkan, “*Sokongan dari segi mereka*

cuba bagi kata-kata semangat..” Peserta D pula menyatakan, “Pelajar ni cepat down semangat. Guru kena sentiasa bagi dorongan. Kena bagi motivasi la untuk menaikkan semangat.”

Empat orang lagi peserta kajian turut memperkatakan perkara yang sama iaitu sokongan guru ialah dalam bentuk kata semangat dan dorongan berbentuk motivasi. Sebagai contoh, Peserta E menyatakan, *“Kata-kata semangat daripada guru membantu meningkatkan semangat saya.”* Seterusnya Peserta H meluahkan pengalamannya, *“Kalau saya malas-malas tu saya terus jumpa ustaz saya. Saya bagi tahu dia apa masalah saya nanti dia bagi motivasi kat saya.”* Manakala Peserta I turut mengemukakan cerita yang sama bagaimana guru tahfiz kerap memberikan motivasi. Beliau menyatakan, *“Lepas dia mengajar tu dia akan ambik spent dalam 10 minit untuk bagi tazkirah. Masa tu la dia motivasi..”* Selanjutnya Peserta J secara ringkas memaklumkan bahawa *“Ustaz pun banyak bagi motivasi, kata-kata semangat.”*

Dua orang lagi peserta kajian iaitu Peserta F dan Peserta K pula menekankan sokongan guru daripada segi bimbingan hafazan. Peserta F menjelaskan, *“Guru banyak membimbing dan mengajar saya lebih-lebih lagi guru tasmik. Guru juga sediakan kaunseling kepada murid yang mengalami masalah ketika menghafaz.”* Sementara itu Peserta K menceritakan bagaimana guru tahfiz sanggup datang waktu malam ke asrama sekolah bagi mendengar hafazan murid. Beliau menjelaskan, *“..dia sanggup datang malam-malam ke sekolah. Kita pun baca depan dia (tasmik). Walaupun kita ada pagi-pagi tu tapi kita baca jugak depan dia (malam).”*

Sokongan yang seterusnya sebagaimana yang dikongsikan oleh peserta kajian ialah sokongan ibubapa. Majoriti peserta kajian sememangnya menekankan keperluan sokongan ibubapa dalam pembelajaran tahfiz mereka. Seramai 10 orang peserta kajian menyentuh tentang sokongan ibubapa yang sangat diperlukan bagi membantu proses pembelajaran tahfiz. Peserta A dan Peserta D menyatakan antara sokongan ibubapa ialah berkaitan aspek pemakanan murid tahfiz yang perlu dijaga. Peserta A berkata, *“Kalau macam makanan ni, mak saya selalu bagi coklat, kismis, kurma..”*. Manakala Peserta D pula menyatakan, *“Kalau saya balik rumah, mak saya jaga makanan, memang mak tegas.”*

Selain daripada sokongan aspek pemakanan, sokongan ibubapa diperlukan dalam aspek emosi iaitu bimbingan dan sikap keprihatinan ibubapa. Peserta C menjelaskan sokongan ibubapa iaitu, *“mak ayah cuba bagikan kita ruang untuk kita hafal Al-Quran.”* Peserta D secara ringkas menjelaskan bahawa, *“Mak ayah beri dorongan daripada sinilah.”* Perkara yang sama turut dikongsi oleh Peserta H, *“Jadi mak ayah saya bagi dorongan la, suruh kuat.”* Ini disentuh juga oleh Peserta I yang meluahkan tentang keperluan sokongan ibubapa, *“Sebab bila ada orang bagi semangat, bagi harapan pada kita jadi saya lebih semangat untuk teruskan.”*

Terdapat juga sokongan ibubapa peserta kajian yang berbentuk bantuan untuk mendengar hafazan serta bertanya tentang aktiviti hafazan anak. Sokongan ini sangat diperlukan dan membantu peserta kajian dalam pembelajaran mereka. Sebagai contoh Peserta B meluahkan ibunya yang bertanya tentang aktiviti hafazan beliau dengan katanya, *“Mak saya macam, nanti kalau saya tak tasmik, kak ngah bila nak tasmik ni?”* Peserta I juga berkongsi perkara yang sama, *“Mak akan tanya. Sekarang saya dah khatam, kan, jadi dia akan tanya jugakla al-Quran murajaah tak, ulang atau tidak Al-Quran tu.”* Selain itu, Peserta K juga meluahkan yang ibunya akan berbuat perkara yang sama iaitu sokongan dalam bentuk keprihatinan tentang hafazan beliau. Peserta K menjelaskan, *“macam mak saya kalau saya telefon dia, dia akan tanya macam mana al-Quran saya.”* Begitu juga yang dialami oleh Peserta J yang menerima nasihat dan teguran daripada ibunya, *“..ditegur oleh ibu sendiri la, Along hafal Quran, limit masa, bahagi masa elok-elok.”* Seterusnya Peserta F menjelaskan bahawa ibubapa beliau turut memberi sokongan dengan mendengar hafazan ayat al-Quran. Beliau bercerita, *“Kadang-kadang bila cuti ayah banyak tasmik bacaan saya di rumah..”*

Selain daripada sokongan guru dan ibubapa, sokongan rakan sebaya juga diperlukan dan diperkatakan oleh peserta kajian. Terdapat enam orang peserta kajian yang mengutarakan tentang aspek sokongan rakan sebaya ini. Peserta B berkongsi cerita, “*At least kawan-kawan saya pun bagi sokongan jugak pada saya.*” Peserta E, J dan K memberi fokus bagaimana rakan memberi dorongan dan motivasi agar bertahan dalam pembelajaran tahfiz. Peserta E berkata, “*Kadangkadangkawan yang cepat menghafal banyak membantu saya, kawan sebagai motivasi dan meningkatkan semangat saya.*” Seterusnya Peserta K menekankan tentang pentingnya rakan yang sama bidang dapat memberi dorongan kepada beliau, “*Macam saya pun selain daripada sokongan ibubapa, dia kena ada macam kita berkawan dengan rakan maksudnya yang sama suka dengan Al-Quran.*” Peserta J secara panjang lebar berkongsi sokongan rakan yang diperoleh beliau:

Saya ada jugak kawan baik saya, kita orang berkawan sejak kecil lagi sejak tadika sampai sekarang kita orang masih berhubung berkawan. Sekarang dia di Imtiaz, Kuala Terengganu, jadi dia banyak beri dorongan.

Sementara itu Peserta D juga menekankan sokongan rakan yang membantu apabila beliau rasa tidak bermotivasi dalam pembelajaran tahfiz, “*bila kita down kawan akan back up lah, kena ada pertolongan daripada kawan.*” Akhir sekali Peserta F memperkatakan kejayaan kawan boleh menjadi motivasi kepada beliau untuk meneruskan hafazan. Beliau menjelas, “*Kawan-kawan juga sebagai motivasi. Saya banyak melihat kepada kawan-kawan yang sudah khatam Al-Quran.*”

Dapatan kajian turut menunjukkan sokongan pihak sekolah juga diperlukan oleh murid dalam pembelajaran tahfiz mereka. Walau bagaimanapun, hanya dua orang peserta kajian yang menyatakan hal ini. Ini berkemungkinan peserta kajian lebih melihat kepada sokongan guru di sekolah yang bersifat secara langsung kepada murid. Peserta I dan Peserta J yang memberi fokus kepada sokongan pihak sekolah iaitu sekolah mengadakan program bagi membantu pembelajaran tahfiz murid. Peserta I mengemukakan pengalaman beliau, “*Kalau setiap tahun tu measti ada la kem Al-Quran. Kalau kem Al-Quran tu tak semestinya hafal Al-Quran sahaja tapi dia akan buat ceramah Al-Quran untuk tingkatan lagi semangat untuk menghafal*”. Manakala Peserta J memperkatakan perkara yang sama iaitu pihak sekolah memberi sokongan dengan mengadakan program di luar bagi memberikan suasana berbeza kepada murid untuk menghafal ayat Al-Quran. Beliau menjelaskan, “*Pengetua bawak kita rest di Pantai Melawi, Bachok sambil menghafal Al-Quran. Hafal Al-Quran dan aktiviti gotong royong komuniti macam tu lah.*”

Dapatan di atas jelas menunjukkan bahawa sokongan yang sangat diperlukan murid dalam pembelajaran tahfiz mereka meliputi sokongan guru dan ibubapa yang merupakan individu yang paling hampir dengan murid. Selain itu, sokongan rakan sebaya dan pihak sekolah turut membantu murid dalam pembelajaran mereka.

6. PERBINCANGAN

Cabaran pembelajaran tahfiz merujuk kepada empat cabaran utama yang dikongsikan oleh murid tahfiz iaitu merujuk kepada cabaran persekitaran rumah yang berbeza dengan sekolah; cabaran kesukaran menghafaz; cabaran gajet dan rakan sebaya. Cabaran persekitaran rumah yang berbeza boleh mengganggu tumpuan murid untuk menghafaz dan ini memerlukan sokongan ibubapa bagi memastikan suasana di rumah tidak jauh berbeza dengan sekolah. Sokongan dan penglibatan ibubapa yang dapat mewujudkan suasana kondusif untuk menghafaz adalah penting sebagaimana yang telah disentuh oleh Abdul Razak dan Norani (2011) iaitu sokongan ibubapa boleh dalam pelbagai bentuk bagi menyokong proses pembelajaran anak. Cabaran kesukaran menghafaz adalah cabaran yang sangat menuntut sokongan guru agar dapat berkongsi dan memberi panduan tentang kaedah hafazan yang sesuai dan berkesan. Guru juga sangat diharapkan memberi motivasi khasnya

apabila murid berasa sukar dan malas untuk menghafaz. Cabaran gajet dan rakan sebaya walaupun tidak banyak diperkatakan namun ia tidak boleh dipandang remeh. Kewujudan gajet pada zaman teknologi kini boleh melekakan murid daripada memberi tumpuan kepada hafazan mereka. Begitu juga cabaran rakan sebaya yang tidak memahami pembelajaran tahfiz boleh melemahkan semangat murid untuk bertahan dalam pembelajaran mereka. Oleh yang demikian sokongan ibubapa sebagaimana yang ditekankan dalam Islam dengan memberi penekanan kepada asas akidah, ibadah dan akhlak sangat diperlukan oleh murid berkenaan (Abdul Rashid, 2008).

Sementara itu, sokongan yang diperlukan oleh murid tahfiz di tiga buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan yang terpilih merangkumi sokongan guru, ibubapa, pihak sekolah dan rakan sebaya. Kesemua murid tahfiz yang ditemui mengemukakan kepentingan sokongan guru memandangkan masa mereka banyak dihabiskan di sekolah sebagai murid sekolah asrama aliran tahfiz. Oleh itu, kata-kata pendorong, bimbingan dan panduan guru sangat diperlukan sebagaimana yang disentuh oleh Abd Hafiz & Nur Safazilah (2016). Sokongan ibubapa turut ditekankan kerana ibubapa adalah individu yang rapat dengan murid. Galakan, perhatian dan kasih sayang ibubapa sangat mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak (Zulkifli et al., 2016). Sokongan pihak sekolah dan rakan sebaya turut diperkatakan oleh beberapa orang murid. Program bimbingan dan pemantapan hafazan oleh pihak sekolah sangat membantu proses pembelajaran murid. Rakan sebaya yang menjadi cabaran kepada pembelajaran murid namun turut bertindak sebagai sokongan kepada murid khasnya rakan yang sama-sama berada dalam aliran yang sama.

7. KESIMPULAN

Kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa cabaran pembelajaran tahfiz yang dihadapi murid perlu ditangani menerusi sistem sokongan yang jelas dan bersepadu. Sokongan yang diperlukan murid dalam pembelajaran tahfiz ialah sokongan yang bersepadu daripada pihak guru dan ibubapa secara khusus. Sokongan pihak sekolah dan rakan sebaya juga boleh membantu murid dalam menghadapi cabaran pembelajaran.

Kajian ini memberi implikasi penting kepada beberapa pihak yang berkaitan iaitu pihak ibubapa, guru dan sekolah tahfiz agar dapat berperanan secara berkesan sebagai sistem sokongan kepada murid yang mengikuti pembelajaran tahfiz. Perkongsian pintar dan kerjasama erat antara ibubapa, guru dan pihak sekolah adalah sesuatu yang perlu diambil serius oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Program sedia ada yang sedang dilaksanakan iaitu Sarana Ibubapa perlu diperkembangkan lagi terutama untuk sekolah aliran tahfiz agar ibubapa dan guru benar-benar menjalin kerjasama dan berganding bahu bagi memastikan pembelajaran tahfiz berjalan dengan baik.

Kajian ini membuka peluang dan ruang kepada pengkaji lain pada masa akan datang untuk meneroka lebih lanjut tentang cabaran dan sokongan dalam konteks yang berbeza seperti dalam kalangan pelajar yang mengikuti pendidikan tahfiz peringkat tinggi seperti peringkat diploma dan ijazah. Sudah tentu aspek cabaran dan sistem sokongan yang diperlukan sedikit berbeza berbanding murid di sekolah menengah. Kajian tersebut boleh memberi panduan kepada pihak institusi bagi meningkatkan lagi program tahfiz yang dijalankan.

8. PENGHARGAAN

Kajian ini ditaja oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), no Pusat Kos 5524384 dan no Kod Projek 06-02-13-1303FR.

RUJUKAN

- Abd Razak Zakaria dan Norani Mohd Salleh. (2011). Konteks keluarga dan hubungannya dengan penglibatan ibubapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Abdul Hafiz Abdullah dan Nur Safazilah Maksom. (2018). Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Madrasah Tahfiz Al-Quran Darul Ta`alim Kg Tengah, Kluang dalam *Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran*, ed. Mohd Zulkifli Mohd Yakub Haji Mohd Yussof dan Nordin Ahmad. Kuala Kubu Bharu, Darul Quran JAKIM.
- Abdul Rashid Ahmad. (2008). *Surah Luqman Mendidik Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Anuar Ahmad dan Norhaidawati Mohd. (2016). Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap pendidikan anak-anak jalanan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Kertas kerja penyelidikan yang dijalankan. Akses di DOI: 10.13140/RG.2.2.15130.75202 pada 26 Jun 2018.
- Azmil Hashim, Misnan Jemali, Ab Halim Tamuri dan Mohd Aderi Che Noh. (2014). Hubungan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar. *The Online Journal of Islamic Education*. Fakulti Pendidikan UKM.
- Azmil Hashim, Ab Halim Tamuri dan Misnan Jemali (2013). Latar belakang guru tahfiz dan amalan kaedah pengajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. Fakulti Pendidikan UM.
- Creswell, J.W. (2003). *Research Design : Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks, SAGE Publications.
- Dudley, J.R. (2005). *Research Methods for Social Work : Becoming Consumers and Producers of Research*. Boston, Allyn & Bacon.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan, Lukman Abd Mutalib dan Wan Marzuki Wan Jaafar. (2018). *Perkembangan dan perspektif pembelajaran tahfiz di Malaysia*. Serdang, Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2017, Mei). Persiapan Awal Ikuti Aliran Tahfiz. *Pendidik*.
- Mardhiah Yahaya, Zetty Nurzuliana Rasheed dan Aslam Farah Selamat. (2018). Isu dalam pendidikan tahfiz: Satu analisis. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, Selangor.
- Misnan Jemali dan Ahmad Sadadi Hafidz. (2003). Hubungan antara teknik menghafaz al-Quran dengan pencapaian kursus Tahfiz wa al-Qiraat pelajar semester empat dan lima di Maahad Tahfiz wal Qiraat di Perak. Seminar Teknik pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah, Fathiyah Solehah Mohd Sabbri and Rabi`atul Athirah Muhammad Isa. Challenges Facing School Students in Qur`an Memorization: A Qualitative Study. Paper presented at Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018. Universiti Sultan Zainal Abidin.

- Othman Lebar.(2009). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patton, M.Q. (1987). *How to Use Qualitative Methods in Evaluation*. Newbury Park, California, SAGE Publications, Inc.
- Siti Suriyani Sulaiman. (2018). Kaedah Hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*. 2(1), 44-59.
- Zulkarnin Zakaria, Syazwani Md Sallehan, Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin, Ahmad Bazli Ahmad Helmi and Abdel Rahman Ibrahim Sulieman Islaieh. (2018). Challenges In Early Quran Education: Identifying Factors That Affect Permata Insan Summer Camp Students' Performance. *Sains Insani*, Pusat Pengajian Teras, USIM.
- Zulkifli Abd Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ah,ad dan Ismi Arif Ismail. (2011). Hubungan antara Penglibatan Ibubapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*, Fakulti Pendidikan UKM.